

Nama ..... Tingkatan .....



فَرِسْتِينِكْ عَزْ قَعْنَوْلَا زَجَلِيْنِبْ قَعْنَوْلَا<sup>١</sup>  
 مَعْهَدْ كَلْجَانْ سَكُونْ لَهْ مَنْغَهْ اَنْجَارْ بْ (بَنْشَوْلَنْ)<sup>٢</sup>  
 يَا يَاسِنْ اِسْلَامْ كَلْنَتْنْ



1103/2  
 Bahasa  
 Melayu  
 Kertas 2  
 Ogos  
 2015  
 2  $\frac{1}{2}$  jam

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015

BAHASA MELAYU  
 Kertas 2

TINGKATAN 5  
 Dua jam tiga puluh minit

### JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[ Lihat halaman sebelah  
 SULIT

**Soalan 1 : Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara penyediaan makanan yang selamat** dan **masalah-masalah yang dihadapi**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Di Malaysia, pengendali makanan diwajibkan mengambil suntikan vaksin dan menghadiri kursus pengendalian makanan sebelum memulakan perniagaan makanan. Hakikatnya, kita sendiri juga ialah pengendali makanan. Amalan membasuh tangan sebelum dan ketika penyediaan makanan merupakan langkah yang sangat penting. Semua peralatan dan permukaan kerja hendaklah dibersihkan dengan air bersih dengan campuran larutan cecair antibakteria. Pengendali makanan perlu membiarkan sebentar larutan antibakteria itu pada permukaan yang dikehendaki sebelum dibilas dengan air bersih.

Ulam dan sayur-sayuran mentah masih menjadi hidangan kegemaran rakyat Malaysia **merentas budaya**. Begitu juga dengan buah-buahan sama ada yang baru dipetik atau dibeli di kedai. Semua ini perlu dicuci dengan air bersih sebelum dimakan. Kuman di bahagian luar boleh masuk ke bahagian dalam semasa pengendalian dilakukan. Tuala untuk mengelap tangan perlu ditukar sekirap mungkin. Kain yang lembap sangat sesuai untuk pembiakan bakteria. Kebanyakan keluarga di Malaysia gemar menggunakan kain yang buruk untuk mengelap meja selepas digunakan dan kain itu tidak direndam dengan menggunakan air panas.

Sebaik-baiknya bahan mentah dan bahan yang sudah dimasak hendaklah diasinkan. Jus dan lebihan lelehan yang mengandungi kuman daripada sayur, daging dan makanan laut mentah boleh mencemari makanan yang sudah siap dimasak. Makanan mentah perlu diletakkan pada tingkat yang lebih rendah daripada makanan yang sudah dimasak di dalam peti sejuk. Peti sejuk yang terlalu padat dengan bahan simpanan tidak sesuai untuk pengaliran udara sejuk. Tempoh penyimpanan makanan di dalam peti sejuk perlu juga diambil perhatian. Sebenarnya makanan tidak boleh disimpan terlalu lama di dalam peti sejuk. Ada yang menjadi basi selepas tiga hingga lima hari. Ada juga yang bertahan sehingga seminggu. Perlu diingat bahawa kadang-kadang bakteria penyebab keracunan makanan tidak menjaskan rupa, bau dan rasa makanan.

Makanan hendaklah dimasak cukup lama untuk memastikan bahagian tengah makanan tidak terlepas daripada haba. Suhu optimum untuk masakan mestilah pada 70 darjah Celsius. Takat suhu ini sesuai untuk membunuh kuman yang bahaya. Ada beberapa penunjuk yang membantu anda untuk menentukan sama ada makanan itu masak dengan sempurna atau tidak. Daging yang dimasak tidak seharusnya berwarna merah jambu pada bahagian tengah. Bagi masakan sup dan rebusan yang menggunakan ketuhar, makanan itu dikira masak apabila wap panas kelihatan keluar. Wap panas ini akan keluar setelah mendidih beberapa minit.

Semua makanan yang sudah dimasak dan dibiarkan pada suhu bilik perlu dimakan dalam masa dua jam selepas dimasak. Dalam majlis kenduri lazimnya jamuan dibuat secara bufet. Makanan seperti ini perlu sentiasa dipanaskan di atas paras suhu 60 darjah Celsius. Anda boleh menggunakan ‘chafing dish’ dan ‘slow cooker’. Jika tidak merancang untuk makan dalam masa dua jam selepas dimasak, simpanlah makanan berkenaan di dalam peti sejuk. Kita tidak boleh membiarkan makanan yang sudah dimasak pada suhu bilik. Hal ini demikian kerana bakteria boleh membiak berkali ganda. Bakteria boleh membiak pada julat suhu 5 darjah Celsius hingga 60 darjah Celsius.

Penyediaan makanan yang selamat merupakan konsep asas kebersihan yang sering dilupakan oleh masyarakat kita. Masyarakat kita terlalu gemar akan makanan tetapi kurang peka terhadap makanan yang selamat untuk dimakan. Oleh itu, penyediaan makanan yang selamat ini bukan sahaja perlu diamalkan oleh pengendali makanan tetapi juga individu tertentu terutama suri rumah.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “*Cara selamat sediakan makanan*” oleh Dr. Helmy bin Hazmi, *Berita Harian*, Januari, 2015)

### **Soalan 2 : Pemahaman**

*[35 markah]*

#### **Soalan 2(a) Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata **merentas budaya**.

*[2 markah]*

- (ii) Bagaimakah cara untuk menentukan supaya makanan itu masak dengan sempurna?

*[3 markah]*

- (iii) Pada pendapat anda, mengapa di negara kita gemar membeli makanan di gerai-gerai di tepi jalan sedangkan makanan itu belum tentu selamat untuk dimakan?

*[4 markah]*

[ Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2 (b) Petikan Prosa Modern**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SABARIAH: Habis kau hendak suruh buat macam mana? Cium kau? Sujud dekat kaki kau? Jangan hendak perasan, Sani. Jangan hendak tunjuk baik kau itu. Yang hilang itu bapa aku. Bapa aku. Kau tidak ada kena-mengena dalam perkara ini.

SANI: Kak..... Bukan itu maksud Sani, kak.....

SABARIAH: Jangan panggil aku kakak kau.

SABRI: Angah! (*Cuba meleraikan pertengkaran*)

SABARIAH: Kau ingat, Sani! Aku lebih dulu makan garam daripada engkau. Kau jangan hendak memandai-mandai. Ka buat urusan engkau sendiri. Jangan campur urusan orang. Sudah mak, mari balik. Emak raung dengan air mata darah pun sudah tidak berguna lagi. Bapa sudah tidak ada. Mayatnya mungkin sudah hilang.

SABRI: (*Meluru ke arah SABARIAH*) Hiss, apa ini angah? Jangan ditengking herdik Sani tu. Tidak tengok emakkah? Jaga sikit mulut itu.

MAK JAH: Sia-sia saja sekolah tinggi-tinggi. Sombong tidak kena tempat. (*Terasa kecewa lalu pergi dari situ. SHAHRUL jadi gelisah melihat gelagat kakaknya*)

SABARIAH: Abang pun hendak biarkan emak macam ini? Sampai bila hendak tunggu? Sampai bila? Sampai air laut kering? Ini semalah macam abang hendak seksa emak. Sabariah berani potong jari ini kalau bapa masih hidup.

*JIMAH amat terasa dengan kata-kata SABARIAH. Dia berjalan semakin jauh meniti gigi air membawa diri. SANI tetap mengekor emaknya. WAN yang tadi duduk memerhatikan dari jauh terus bergegas ke arah JIMAH. Dia merasakan dia perlu bersama-sama mentuanya.*

SABRI: Kau baru sekejap balik, tapi dah tambah luka di hati emak. Kenapa ini? Kami sudah tiga hari dekat sini. Hendak cakap dengan emak pun kami berhati-hati. Yang hilang itu suami emak. Emak lebih terasa derita yang bapa tanggung daripada kita. Kita cuma dapat tengok saja.

(Dipetik daripada drama “*Tiang Cengal Dinding Sayung*,” oleh Suriani Mohd. Yusof, dalam *Antologi Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010)

- (i) Apakah kata-kata Sabariah yang menyentuh perasaan ibunya Jimah?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah seorang ibu dapat menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu?  
[4 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.  
[3 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah maka Khoja Maimun pun bermohonlah kepada isterinya lalu dipeluk diciumnya akan isterinya yang cantik molek itu, muda molek dengan kelakuannya yang baik dengan tiada yang tidak baiknya itulah adanya, antara keduanya itu bertangisan dengan air matanya serta menaruh akan dua ekor burung itu. Maka Khoja Maimun pun pergilah belseyar.

Hatta berapa lamanya Khoja Maimun belseyar itu, maka datanglah cubaan Allah Taala atas hambanya, dengan demikian dicetera akan orang yang empunya cetera itu. Selama peninggalan Khoja Maimun belseyar itu, sebermula ada pada suatu hari maka Bibi Zainab pun bercintalah akan suaminya. Maka ia pun pergilah duduk di tingkap mahligainya berangan-angan serta memandang pada jalan seraya itu maka pada ketika itu terpandanglah kepada anak raja di dalam negeri itu lalu berkuda hampir dengan mahligai isteri Khoja Maimun. Pada tatkala Bibi Zainab pun memandang ke bawah maka terpandanglah kepada muka anak raja itu, pemandangan Bibi Zainab terlalu elok rupanya anak raja itu. Sebermula anak raja pun memandang kepada isteri Khoja Maimun, terlalu baik parasnya sama berjumpa matanya lalu dibawanya tersenyum oleh anak raja itu. Dengan takdir Allah Taala maka anak raja itu pun berahilah akan Bibi Zainab itu. Adapun akan Bibi Zainab itu pun **tersangkulah hatinya** akan anak raja itu.

(Dipetik daripada cerita "Hikayat Khoja Maimun," dalam *Antologi Harga Remaja*, DBP, 2009)

(i) Apakah maksud rangkai kata **tersangkulah hatinya**?

[2 markah]

(ii) Apakah tindakan Khoja Maimun sebelum pergi belseyar?

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, wajarkah Khoja Maimun meninggalkan isterinya seorang diri di rumah?

[3 markah]

**Soalan 2 (d) Gurindam**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**GURINDAM 12 FASAL YANG KEENAM**

Cahari olehmu akan sahabat,  
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,  
Yang boleh tahuhan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,  
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,  
Pilih segala yang setiawan.

(Dipetik dalam *Antologi Harga Remaja*, DBP, 2009)

- (i) Apakah maksud rangkap pertama dalam gurindam di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara semangat setia kawan dapat dipupuk dalam kalangan pelajar? [4 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam di atas. [3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap kata ganda di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukar atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) bergopoh-gapah
- (ii) hentam-menghentam
- (iii) kekanak-kanakan
- (iv) kepura-puraan
- (v) sekonyong-konyong
- (vi) timang-timangan

[6 markah]

- (b) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan golongan kata bagi setiap kata yang bergaris dalam ayat di bawah sama ada **kata nama**, **kata kerja**, **kata adjektif** atau **kata tugas**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Beberapa batang pokok telah tumbang kelmarin berikutan angin kencang dan hujan lebat yang melanda di kawasan Tanah Tinggi Cameron. Sepuluh buah rumah juga telah dihanyutkan air sungai yang deras. Sebuah jambatan pendek yang baru dibina di kawasan ladang teh turut roboh.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pemilik tanah yang tidak pembayaran cukai dalam tempoh tertentu akan menjadi hakmilik kerajaan sepenuhnya.
- (ii) Malaysia akan menghantar deligasi ke Jepun dalam persidangan antarabangsa untuk berbincang isu pemanasan global.
- (iii) Kolestrol yang banyak mempunyai impak yang buruk pada sistem edaran darah di dalam tubuh manusia.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Pengetua mengucapkan tahniah di atas kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Suryani dalam perbahasan pidato peringkat kebangsaan.
  - (ii) Oleh kerana kelonggaran undang-undang dan kurangnya pemeriksaan oleh pihak berkuasa maka kemalangan maut di kawasan lebuh raya semakin kerap berlaku.
  - (iii) Pihak berkuasa perlu mengeluarkan senarai barang-barang yang tidak boleh dijual di koperasi sekolah agar tidak mengubah kesihatan murid.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang berbeza dalam petikan tersebut.*

Haji Dollah telah lama menjalankan perniagaan makanan di Kampung Bunut. Dia telah mengambil keputusan untuk mencuba nasib dengan membuka restoran di Kuala Lumpur. Perniagaannya sangat maju kerana sejak akhir-akhir ini dia telah mendapat keuntungan yang banyak hingga kehidupannya menjadi senang. Setelah beberapa tahun, sikap tamak mula bersarang di hatinya menyebabkan dia menutup restorannya dan melibatkan diri sebagai kontraktor binaan bangunan. Tetapi malangnya, syarikat miliknya itu telah gagal mendapat sebarang projek dan diisytiharkan muflis menyebabkan dia menjadi miskin.

[6 markah]

[ Lihat halaman sebelah  
SULIT

YIK - B. MELAYU (2) - TKT 5

**Soalan 4 : Novel***[15 markah]*

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (*akhirnya kau tewas juga*) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussin
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Watak utama dan watak sampingan mempunyai perbezaan dari segi perwatakannya dalam sesebuah novel.

Huraikan **satu** perwatakan watak utama dan **satu** perwatakan bagi satu watak sampingan yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari untuk menunjukkan perbezaannya.

*[7 markah]*

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggembirakan yang terdapat dalam setiap novel.

*[8 markah]***KERTAS SOALAN TAMAT****SULIT**

YIK - B. MELAYU (2) - TKT 5